

## 50 cedera kem protes antikerajaan diserbu


Tentera, polis Sri Lanka bertindak tegas sehari selepas Presiden baharu dilantik

**Colombo:** Pasukan keselamatan Sri Lanka menyerbu kem protes antikerajaan di Colombo awal pagi semalam, kata dua penganjur protes, menandakan Presiden baharu negara itu bertindak keras sehari selepas mengangkat sumpah jawatan.

Menurut penganjur, ratusan anggota keselamatan mengepung kem protes Gota Go Gama yang dinamakan sempena nama bekas Presiden Sri Lanka, Gotabaya Rajapaksa lewat tengah malam dan kemudian mengasingkan sebahagian daripadanya.

Katanya, sekurang-kurangnya 50 penunjuk perasaan cedera, termasuk beberapa wartawan dipukul anggota pasukan keselamatan. "Ia adalah serangan sistematik dan terancang. Mereka sebenarnya menyerang orang dengan kejam," kata penganjur protes Chameera Dedduwage kepada Reuters.

Jurucakap polis dan tentera bagaimanapun tidak menjawab panggilan ketika dihubu-



Anggota keselamatan Sri Lanka menahan beberapa penunjuk perasaan depan sekretariat Presiden di Colombo.

(Foto AFP)

ngi Reuters.

Sri Lanka berada di bawah darurat yang dikenakan Presiden baharu, Ranil Wickremesinghe, Ahad lalu.

Peraturan darurat sebelum ini digunakan untuk memberi kuasa kepada tentera menahan penunjuk perasaan dan menyekat hak untuk membantah.

### Wickremesinghe Presiden baharu

Wickremesinghe yang pernah menjadi Perdana Menteri sebanyak enam kali mengangkat sumpah sebagai Presiden negara Asia Selatan itu kelmarin berikutan peletakan jawatan Rajapaksa yang melarikan diri susulan protes besar-besaran dicituskan oleh krisis

ekonomi terburuk negara itu dalam tujuh dekad.

Ahli politik veteran berusia 73 tahun yang dipilih sebagai ketua negara dalam undian di Parlimen kelmarin mengangkat sumpah jawatannya di hadapan Ketua Hakim Negara, Jayantha Jayasuriya, kata pejabat Presiden.

Sementara itu, penganjur protes Manjula Samarasekara, berkata anggota keselamatan bergerak di hadapan sekretariat Presiden, selepas mengelilingi kem protes serta mula membongkar beberapa khemah dan menyerang penunjuk perasaan di situ.

Sebahagian daripada kawasan sekretariat era kolonial itu dipenuhi penunjuk perasaan, bersama kediaman rasmi Presiden dan Per-

dana Menteri awal bulan ini.

Kediaman itu kemudian diserahkan semula kepada pihak berkuasa kerajaan.

"Saya sangat mengambil berat mengenai laporan tapak protes Galle Face. Kami sudah menjelaskan kepentingan hak untuk membantah secara aman," ciap Sarah Hulton, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Sri Lanka menerusi Twitternya.

Sementara itu, bekas menteri, Dinesh Gunawardena mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri baharu, beberapa jam selepas kem protes antikerajaan diserbu.

Pelantikan Gunawardena dibuat sehari selepas Wickremesinghe mengangkat sumpah sebagai Presiden baharu.

REUTERS